

KHUTBAH JUMAAT

“MEMBUDAYAKAN AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN”

(16 April 2021M/ 4 Ramadan 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيِّ أُرْسِلَ لِلْأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ
تَبَيَّنًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا
الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk :
‘Membudayakan Al-Quran Dalam kehidupan’.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Al-Quran yang diwahyukan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* adalah kitab suci yang sempurna dan lengkap. Ia menjadi pegangan, pedoman dan petunjuk buat sekalian manusia agar hidup sejahtera, aman,

tenteram dan selamat di dunia dan di akhirat. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ
وَالْفُرْقَانِ ...

Maksudnya: (Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah ...

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* menjadikan bulan Ramadan sebagai bulan al-Quran, iaitu dengan menghidupkan dan memperbanyak serta mengisi waktu-waktunya pada bulan tersebut dengan membaca Al-Quran. Malah, membaca Al-Quran merupakan antara ibadat paling utama bagi mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Daripada Abdullah bin Abbas *radiallahu anhum*a katanya :

((كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ، وَكَانَ أَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ، وَكَانَ جِبْرِيلُ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ، فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ، فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ)).

Maksudnya: Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* adalah orang yang paling dermawan. Dan baginda lebih dermawan lagi di bulan

Ramadan ketika baginda bertemu Jibril. Jibril menemuinya pada setiap malam di bulan Ramadan untuk mengajarkan al-Quran. Kedermawanan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam melebihi angin yang berhembus.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Ibnu Rajab al-Hanbali *rahimahullah* di dalam kitabnya *Lato'if al-Ma'arif* (لَطَائِفُ الْمَعَارِفِ) menukilkan bahawa Imam Abu Hanifah dan Imam as-Syafie *rahmatullahi alaihim*a membaca al-Quran sehingga khatam pada bulan Ramadan sebanyak 60 kali di luar solat.

Oleh sebab itu, kita digalakkan agar melazimkan diri menghidupkan hari-hari Ramadan ini dengan memperbanyakkan membaca Al-Quran sama ada secara bertadarus ataupun berseorangan, sehingga menamatkan (khatam) bacaan tiga puluh juz al-Quran.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Orang yang selalu belajar, membaca, apatah lagi yang di dalam dadanya penuh dengan al-Quran akan mendapat syafaat daripada Allah *subhanahu wata'ala* untuk pembacanya. Ini telah diterangkan oleh hadis riwayat Imam Muslim *rahimahullah* daripada Abi Umamah *radiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda, maksudnya:

"Bacalah oleh kamu akan Al-Quran kerana sesungguhnya Al-Quran itu akan datang pada hari kiamat sebagai syafaat kepada pembacanya."

Hadis tadi memberi gambaran bahawa membaca al-Quran pada bulan Ramadan akan menambahkan lagi ganjaran dan rahmat Allah *subhanahu wata'ala* kepada kita. Selain itu, orang yang selalu membaca al-Quran akan diberikan kedudukan yang istimewa, semasa mereka hidup atau sesudah berada di akhirat. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim *rahmatullahi alaiهما* daripada 'Aisyah *radiallahu anha* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda, maksudnya:

"Orang-orang yang mahir membaca al-Quran kedudukannya bersama-sama dengan Malaikat al-Kiram dan al-Bararah, dan yang membaca dengan keadaan lidahnya tidak fasih dan susah baginya menyebut (pada hal dia ingin juga membaca Al-Quran) maka baginya dua pahala."

Di samping itu, kemuliaan yang dikurniakan kepada orang yang membaca al-Quran itu turut melimpah kepada kedua ibu bapa mereka. Menurut Imam Abu Daud dan al-Hakim *rahmatullahi alaiهما* yang meriwayatkan, daripada Sahal bin Mu'az daripada bapanya, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda, maksudnya:

"Sesiapa yang membaca al-Quran dan mengamalkan apa yang dibacanya itu maka akan dipakaikan kedua ibu bapanya sebuah mahkota pada hari kiamat yang cahayanya lebih baik daripada cahaya matahari yang ada menyinari di rumah dunia, maka apakah

pendapat kamu mengenai orang yang mengamalkan itu pula (tentulah lebih daripada itu)."

Sesungguhnya Allah *subhanahu wata'ala* memberikan kurnia pahala yang tidak sedikit kepada orang yang membaca al-Quran. Tiap-tiap satu huruf ada pahalanya, tiap-tiap satu ayat pula ada tingkatannya yang berlainan. Tiap-tiap surah pula ada dengan ketentuan-ketentuan pahalanya yang tidak sama dengan satu dengan yang lain. Satu huruf di dalam al-Quran jika dibaca dengan sempurna ganjarannya ialah sepuluh kebajikan (pahala). Ini berdasarkan kepada hadis riwayat Imam at-Tirmidzi *rahimahullah* daripada Ibnu Mas'ud *radiallahu anhu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang bermaksud:

"Siapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah dia akan memperolehi satu kebajikan. Dan satu kebajikan atau pahala itu pula digandakan lagi dengan 10 kali ganda. saya tidak mengatakan Alif Lam Min itu satu huruf, tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Min satu huruf."

Maksud hadis tadi menggambarkan betapa banyaknya pahala yang bakal diperoleh oleh seorang yang membaca al-Quran lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan. Kesempatan yang paling berharga ini tidak seharusnya kita lepaskan begitu sahaja sebaliknya bacalah al-Quran sebanyak-banyaknya dalam bulan Ramadan, semata-mata mencari keredaan Allah *subhanahu wata'ala* dan mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Semoga kita dapat

membudayakan pembacaan dan penghayatan al-Quran dalam kehidupan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Isra', ayat 82:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَنُنزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا
خَسَارًا

Maksudnya: *Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ عَافِيَةً. اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.